



**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
12 Jamadilakhir 1442 / 26 Januari 2021**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Selasa, 12 Jamadilakhir 1442H bersamaan 26 Januari 2021M, setakat jam 12.00 tengahari.

**Ringkasan Kes**

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
1	176		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	4	3	169

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (265 hari yang lalu)	35 Kes

**Ringkasan Pengasingan Diri**

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
516	11,919

**Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2**

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
211 sampel	90,111

2. Kes 176 ialah seorang perempuan berumur 23 tahun yang telah tiba ke negara ini daripada Nepal melalui Kuala Lumpur, Malaysia pada 13 Januari 2021 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI874. Beliau sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Pengesanan kontak (*contact tracing*) bagi kes ini mendapati beliau tidak mempunyai sebarang kontak terdekat.
3. Pada masa ini, kesemua kes aktif yang dirawat Pusat Pengasingan Kebangsaan adalah dalam keadaan baik.
4. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui **aplikasi Bruhealth**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/1

Tarikh : 12 Jamadilakhir 1442H / 26 Januari 2021M